

Merasai pengalaman hidup di kampus

KIRA-KIRA 100 pelajar dari 20 buah sekolah kluster dan sekolah angkat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sekitar Selangor, Perak, Melaka dan Negeri Sembilan menyertai Program Menikmati Kehidupan di Kampus atau dikenali sebagai 'Selangkah Ke USIM', baru-baru ini.

Program anjuran Pusat Tamhidi USIM itu bertujuan memberi pendedahan dan dorongan kepada pelajar tingkatan empat, lima dan enam yang akan menduduki

peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) merasai sendiri suasana kehidupan sebagai seorang mahasiswa di kampus, seterusnya menjadikan USIM sebagai pilihan utama untuk melanjutkan pelajaran di peringkat asasi (matrikulasi) atau ijazah.

Acara yang berlangsung di Nilai, Negeri Sembilan dan kampus cawangan di Pandan Indah, Kuala Lumpur itu bertujuan memperkenalkan USIM secara dekat kepada pelajar-pelajar dari sekolah

kluster dan sekolah angkat USIM, di samping memberi maklumat tepat kepada pelajar berpotensi mengenai peluang menyambung pelajaran di USIM khususnya.

Menurut Pengarah Pusat Tamhidi, Dr. Nurlida Basir, program ini telah bermula sejak tahun 2009 dan terbuka kepada sekolah aliran agama, tetapi sambutan hangat yang diterima menyebabkan penyertaan dihadkan mulai tahun 2011.

Pelbagai aktiviti telah diatur sepanjang program itu seperti Campus Tour, Ceramah Motivasi dan Kerjaya, Ceramah Kepimpinan &

Motivasi, Tazkirah, Senamrobik dan program bebas iaitu menjalani kehidupan seharian sebagai pelajar Pusat Tamhidi bersama *buddy* masing-masing.

Peserta akan menginap di asrama bersama *buddy* mereka untuk membangkitkan suasana sebenar kehidupan di kampus, di samping mengikuti perjalanan kuliah dan tutorial. *Buddy* pula dilantik dalam kalangan pelajar cemerlang iaitu yang mendapat Anugerah Pengarah Tamhidi dan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) 3.60 dan ke atas. 🍷



PARA pelajar tekun mendengar taklimat berkenaan peluang melanjutkan pelajaran di USIM, Nilai baru-baru ini.

6 ACARA ini bertujuan memperkenalkan USIM secara dekat kepada pelajar-pelajar dari sekolah kluster dan sekolah angkat USIM, di samping memberi maklumat tepat kepada pelajar berpotensi mengenai peluang menyambung pelajaran di USIM khususnya.

